

20 JUN 2003

Sukan-Malik

MALIK DINASIHAT TUNDA RENANG SELAT INGGERIS KE 23 JULAI

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin, yang berhasrat mencipta nama sebagai penduduk Asia pertama berenang menyeberangi Selat Inggeris pada 18 Julai ini, telah dinasihatkan supaya menundanya ke 23 Julai.

Sekretariat Cabaran Selat Inggeris, dalam kenyataan hari ini berkata, tarikh baru itu telah ditetapkan oleh badan rasmi renangan Selat Inggeris, Channel Swimming & Piloting Federation (CSPF).

Mengikut senarai yang dikeluarkan oleh CSPF, Malik, 28, merupakan orang keempat pada Julai ini untuk berenang merentasi selat sejauh 33 kilometer itu yang menghubungkan England dengan Perancis.

Sekretariat itu memetik seorang pegawai CSPF sebagai berkata bahawa tarikh baru itu dipilih bagi membolehkan Malik mencatat pencapaian terbaik di Selat Inggeris nanti.

Abdul Malik kini berada di Melbourne untuk menjalani latihan fasa akhir di bawah bimbingan John Van Wisse, dan akan pulang ke Malaysia pada 10 Julai.

Pada 25 Mei lepas, beliau berenang Kuala Perlis ke Langkawi sejauh 48 km dalam masa 14 jam 3 minit, lebih empat jam lebih cepat dari yang dijangka.

Ketibaan beliau di pulau peranginan itu diberi sambutan meriah oleh ribuan orang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga penaung cabaran Selat Inggeris.

Malik akan bertolak ke Dover, England, pada 14 Julai bagi persediaan terakhir dengan bimbingan perenang, Alison Streeter, yang mendapat jolokan Ratu Selat Inggeris.

Selain jaraknya yang agak jauh, Malik juga akan berdepan dengan suhu air antara 14 dan 16 darjah Celcius dengan ombak setinggi enam ke lapan meter di Selat Inggeris.

-- BERNAMA
ZAS AHH MAI